

**Jumlah Dagangan Malaysia Naik 1.7 Peratus Kepada RM101.39 Bilion  
Bernama  
7 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 7 Mac (Bernama) -- Jumlah perdagangan Malaysia bagi Januari meningkat sebanyak 1.7 peratus kepada RM101.39 bilion berbanding Januari tahun lepas, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Beliau berkata eksport meningkat sebanyak 0.4 peratus kepada RM55.07 bilion daripada tahun lalu, manakala import lebih tinggi sebanyak 3.3 peratus kepada RM46.32 bilion.

Peningkatan eksport pada Januari sebahagian besarnya disumbangkan oleh eksport produk petroleum bertapis dan gas asli cecair yang bertambah serta harga yang lebih tinggi bagi produk berkenaan, katanya.

Di samping itu, kata beliau, eksport besi, produk keluli, kimia dan produk kimia juga meningkat.

Mustapa berkata, Jepun, Singapura, China, Amerika Syarikat dan Thailand merupakan lima destinasi utama eksport pada Januari.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650464>